

PM sedia kaji wujud semula KPT

BH - 14/11/2020 m/s: 2

Dr M mahu kenal pasti masalah Kementerian Pendidikan sebelum buat keputusan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Hulu Selangor: Tun Dr Mahathir Mohamad sedia mempertimbangkan cadangan kemungkinan memecahkan Kementerian Pendidikan dengan mewujudkan semula Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Perdana Menteri yang kini memangku jawatan Menteri Pendidikan membayangkan perkara itu selepas mendapati wujud pelbagai masalah dalam Kementerian Pendidikan.

“Saya kena kaji segala masalah terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa keputusan.

“Kementerian Pendidikan hadapi banyak masalah, maka saya perlu kenal pasti dahulu apa masalahnya dan cari jalan penyelesaian. Cadangan itu (memecahkan Kementerian Pendidikan) akan dipertimbangkan berdasarkan kepada cadangan anda (wartawan),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat Depot Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn Bhd (DMIA), syarikat bertanggungjawab terhadap projek Rehabilitasi Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDTR) di Serendah, semalam.



Dr Mahathir melihat model tapak operasi Depot Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn Bhd di Serendah, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan timbalannya, Datuk Kamarudin Jaffar serta Pengerusi DMIA, Tan Sri Mohd Azumi Mohamed.

Mesyuarat Jemaah Menteri Rabu lalu bersetuju Dr Mahathir memangku jawatan Menteri Pendidikan berkuat kuasa 3 Januari lalu susulan peletakan jawatan menternya, Dr Maszlee Malik.

Kementerian Pengajian Tinggi

pernah wujud antara 27 Mac 2004 dan 14 Mei 2013 selepas rombakan Kabinet dilakukan Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika menjadi Perdana Menteri.

Pada era pentadbiran Datuk Seri Najib Razak, kementerian ini digabungkan semula dengan Kementerian Pendidikan menjadi Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi Malaysia pada 2013.

Berikutan rombakan Kabinet

pada 28 Julai 2015, Kementerian Pengajian Tinggi diwujudkan semula.

Selepas Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan pada 2018, kementerian berkenaan dimansuhkan dan diletakkan bersama Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Dr Mahathir menegaskan beliau akan segera memasuki pejabat Menteri Pendidikan bagi menyelesaikan beberapa ma-

salah dihadapi kementerian itu.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu perlu dilakukan segera bagi mencari jalan penyelesaian kepada beberapa masalah yang timbul.

Mengulas mengenai penularan virus Influenza A, Dr Mahathir menjelaskan Kementerian Kesihatan sedang menjalankan siasatan sama ada ia menjadi wabak atau sebaliknya.